



## MENEROKA PENGALAMAN GURU KAFA SELANGOR DALAM KAEDAH EJAAN JAWI BAHARU

### [EXPLORING THE EXPERIENCE OF SELANGOR KAFA TEACHERS IN THE NEW JAWI SPELLING METHOD]

MUHAMMAD SYAHMI MOHD SHARI<sup>1</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

1\* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.  
Email: p117431@siswa.edu.ukm.my; hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

Correspondent Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

---

*Received: 13 July 2023*

*Accepted: 15 August 2023*

*Published: 7 September 2023*

---

**Abstrak:** Pembelajaran Jawi diajarkan di sekolah agama KAFA dan di sekolah kebangsaan. Program KAFA ini memperkukuhkan Pendidikan Islam yang sedia ada di Malaysia. Kemudahan dan kecanggihan aplikasi multimedia yang memaparkan pelbagai perkataan Jawi menimbulkan kekeliruan terutamanya ejaan dalam kalangan murid-murid dan guru. Penulisan ini mengetengahkan pengalaman yang dialami oleh guru-guru KAFA dalam mata pelajaran Jawi. Seni penulisan Jawi perlu diajar di peringkat awal dengan Teknik serta kaedahnya. Tulisan Jawi bukanlah sekadar ada bunyi, ianya ada kaedah bagi setiap ejaan. Beberapa penambahbaikan dilakukan dan kaedah ejaan Jawi masih lagi bersandarkan Za'ba dalam buku Daftar Ejaan Melayu (1949). Prinsip ejaan Jawi Za'ba ini telah diubah suai berdasarkan sistem bunyi dan bentuk kata dalam Bahasa Melayu dan telah dipecahkan kepada tiga kelompok, iaitu kata Melayu jati, kata serapan daripada Bahasa Arab dan kata serapan daripada Bahasa Inggeris. Tulisan Jawi ini perlu dipelihara dan diperkasakan penggunaannya agar generasi seterusnya mengenali lambang seni warisan budaya bangsa Malaysia. Justeru, di sekolah guru-guru KAFA mempunyai cabaran yang besar untuk terus mempertahankan dan melestarikan tulisan Jawi ini.

**Kata kunci:** Jawi, Pengalaman, Guru KAFA

**Abstract:** Jawi learning is taught in KAFA religious schools and in national schools. The KAFA programme reinforces existing Islamic education in Malaysia. The ease and sophistication of multimedia applications that display various Jawi words cause confusion, especially spelling among students and teachers. This article is about the experiences of teachers in Java. The Art of writing Jawi should be taught at an early stage with its techniques and methods. Java is not just a language, it has a function for every language. Some improvements were made and the Jawi spelling method was still based on Za'ba in the Malay spelling Register Book (1949). The spelling principle of Jawi za'ba has been modified based on the sound system and word form in the Malay language and has been divided into three groups, namely the Malay word jati, the word serapan from Arabic and the word serapan from English. This Jawi writing needs to be preserved and strengthened so that the next generation can recognize the symbol of Malaysian cultural heritage. Therefore, in KAFA school teachers have a great challenge to continue to maintain and preserve this Jawi writing.

**Keywords:** Jawi, Experience, KAFA Teacher

**Cite This Article:**

Muhammad Syahmi Mohd Shari & Hafizhah Zulkifli. (2023). Meneroka Pengalaman Guru KAFA Selangor Dalam Kaedah Ejaan Jawi Baharu [Exploring The Experience Of Selangor KAFA Teachers In The New Jawi Spelling Method]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 37-46.

## **PENGENALAN**

Bagi menyesuaikan dan memenuhi keperluan generasi abad ke-21, pendidikan negara telah pun melakukan beberapa siri transformasi dalam menghasilkan reka bentuk pengajaran dan pembelajaran. Seseorang guru bukan sahaja perlu kepada pengetahuan pedagogi mengajar bahkan pengetahuan isi kandungan subjek yang diajar juga perlu dikuasai dengan baik, kerana itulah asas utama kejayaan pelaksanaan pedagogi abad ke-21 (Naquiah & Jimaain, 2018). Dalam pada itu hasil kajian menunjukkan PdP PAK21 masih kurang difahami dengan jelas oleh guru pelatih dari sudut pelaksanaan dan perancangannya (Raja Abdullah & Daud Ismail, 2018). Menurut Alamgir Khan et al. (2017) persekitaran pembelajaran yang positif akan terhasil sekiranya seseorang guru itu berkemahiran dalam bidang komunikasi, teknik pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Perubahan sistem pendidikan yang mengangkat tulisan Rumi sebagai tulisan pengantar sedikit sebanyak menggugat sistem tulisan Jawi (Azrulhizam, Zainal Rasyid & Sabarina Othman, 2020).

Personaliti dan watak guru KAFA yang berakhlak mulia menjadi *role model* kepada murid-murid. Walaupun terdapat tanggapan negatif daripada sebilangan masyarakat, namun tidak dapat dinafikan bahawa peranan guru KAFA dalam membimbing dan membentuk kemenjadian murid pada hari ini (Mohammad & Mohd Aderi, 2019). Pengajaran dan pembelajaran bidang Jawi ini agak kurang diberikan penekanannya di sekolah menengah, lebih tertumpu di sekolah rendah sahaja penekanannya. Jawi hanya disentuh dalam subjek Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu di peringkat pendidikan tinggi seperti di Institut Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Medium asas pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia masih menggunakan tulisan Jawi walaupun pelbagai isu dan kelemahan dalam tulisan Jawi ini. Penguasaan pelajar terhadap pelajaran Jawi berada pada tahap yang membimbangkan berdasarkan kajian-kajian lepas.

## **KEPENTINGAN MATA PELAJARAN JAWI DALAM PENDIDIKAN ISLAM**

Surat perisytiharan kemerdekaan ditulis dalam dua versi iaitu rumi dan Jawi, ini menandakan kegemilangan tulisan Jawi berlaku sebelum negara Malaysia mencapai kemerdekaan lagi. Tulisan Jawi dikaitkan dengan orang Melayu di seluruh Nusantara melalui pedagang Arab, India dan Cina. Tulisan Jawi menjadi medium yang penting dalam urusan pentadbiran negara. Dasar Bahasa Kebangsaan telah meletakkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Bahasa kebangsaan mengiktiraf dua sistem tulisan bagi urusan rasmi iaitu rumi dan Jawi. Bagi menyesuaikan dengan laras sebutan Bahasa Melayu beberapa huruf ditambah seperti huruf ca, pa, ga, nga dan nya (Rasyidah et al. 2019). Mohammad dan Mohd Aderi (2019) melaporkan bagi mengekang dan membendung kanak-kanak dan remaja Islam daripada

masalah buta huruf di Malaysia pada tahun 1988, JAKIM di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Pembinaan sahsiah dan kemenjadian murid akan terhasil sekiranya Pendidikan Islam berasaskan KAFA ini menepati kehendak arus pendidikan perdana. Bagi menjaga dan memelihara kepentingan tulisan Jawi, suatu inisiatif diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan cara pembelajaran tulisan Jawi sebagai suatu bidang dalam KPI di sekolah rendah.

Bagi melengkapkan keterampilan berbahasa, penekanan kemahiran membaca dan menulis Jawi adalah sebagai persediaan secara lestari di peringkat sekolah menengah, pengajian tinggi dan kegunaan seharian (Mohd Mazhan, Zahari Suppian & Nor Hasnida, 2023). Rasyidah et al. (2019), menyatakan subjek Pendidikan Islam diajar secara rasmi selepas negara mencapai kemerdekaan dan tulisan Jawi digunakan sepenuhnya dalam buku teks. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memasukkan pelajaran Jawi ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1992. Subjek Pendidikan Islam ini menumpukan pada kemahiran membaca dan menulis Jawi.

### KEUPAYAAN MURID MENGUASAI BACAAN DAN TULISAN JAWI

Kajian oleh Arif Hakimi et al. (2020) mendapati banyak permasalahan berkaitan subjek Jawi di sekolah rendah. Antaranya ialah kebanyakan murid masih belum boleh membaca tulisan Jawi, murid tidak dapat mengeja perkataan padanan vokal a atau huruf Alif, medium pengajaran yang sama menyebabkan murid mudah mengantuk dan kebosanan, murid juga kurang pendedahan berkaitan kaedah-kaedah Jawi dan penyampaian yang bersifat tradisional kurang diberi penumpuan dalam kelas.

Selain itu, pelajar juga keliru dengan pengkaedahan Jawi. Mereka merasakan tulisan Jawi hanya terpakai sewaktu pengajaran subjek Pendidikan Islam sahaja dan berasa lebih sukar dan konservatif berbanding tulisan Rumi (Hazlan, 2019). Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas murid tahun 4 dan 5 di Sekolah Kebangsaan IPG, Kuala Nerus, Terengganu. Berikut jadual 1 merupakan beberapa kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam pelajaran Jawi.

Jadual 1: Kesalahan yang Dilakukan Murid dalam Pembelajaran Jawi

<b>Bil</b>	<b>Hukum Ejaan Jawi</b>	<b>Bilangan Murid Yang Salah</b>
1	Perkataan Tradisi	9/20
2	Alif Pembeza	11/15
3	Hukum DARLUNG	3/15
4	Hukum Kaf Dan Ga	9/25
5	Hukum A+HA	3/10
6	Hukum A+A	10/15

Tambahan pula, negara kita baharu sahaja menempuh pembelajaran secara maya (Pdpr) lebih kurang 2 tahun. Isu-isu seperti tidak memberi tumpuan, tidak mengikuti kelas, tiada capaian internet dan lain-lain lagi akan menjejaskan pembelajaran murid dan akhirnya keciciran

dalam pembelajaran (Nur Baizura, 2020). Malahan, setiap murid berbeza dari segi tahap kognitifnya. Oleh itu, guru-guru Pendidikan Islam perlu memahami tahap kognitif setiap murid itu adalah berbeza. Guru-guru Pendidikan Islam perlu mengambil kira keupayaan murid sebelum menyoal (aras soalan) dan memberi latihan (mudah atau sukar) di dalam kelas.

Bagi memupuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk generasi Z, mereka memerlukan sesuatu yang mencabar. Ibadah, akidah, akhlak dan sirah yang berada dalam lingkungan subjek Pendidikan Islam akan turut menerima impak dan kesan jika sekiranya seseorang murid itu tidak mampu menguasai Jawi dengan baik (Hamsa & Hamzah, 2017).

## **PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN GURU TENTANG MATA PELAJARAN JAWI**

Bagi memperkasakan Jawi dalam kalangan masyarakat pembelajaran Jawi perlu bermula di pada peringkat awal umur. Selain itu, guru Pendidikan Islam yang tidak mempunyai kemahiran khusus dalam Jawi akan menyebabkan pengajaran Jawi yang lemah dan kurang berkesan. Faktor berkaitan pengajaran dan pembelajaran merupakan faktor yang ketara. Rutin pengajaran Jawi hanya sekitar menulis ejaan Jawi kepada rumi berpandukan buku teks atau sebaliknya. Penerangan oleh guru berkaitan hukum-hukum Jawi dan peraturan berkaitan Jawi secara mendalam adalah kurang (Muhammad Fuad & Hafizhah, 2022).

Radhi dan Hafizhah (2021) mencadangkan supaya para guru mempelbagaikan kaedah pengajaran Jawi seperti pandang sebut, bunyi (fonetik), huruf atau abjad, imlak, mengeja atau membatang, permainan, latih tubi dan nyanyian. Kecintaan serta penguasaan seseorang murid pada tulisan Jawi ini antara kesan daripada pengajaran Jawi yang kreatif dan berkesan oleh guru. Menurut Haiy Rosman (2021), terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penguasaan Jawi dengan tempoh pengalaman mengajar seseorang guru itu. Kajian ini dijalankan ke atas guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bawah pentadbiran PPD Klang. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar tempoh yang lama memberi kelebihan dari sudut pengetahuan, kemahiran dan penyampaian dalam proses PdP (Yahya & Nor, 2017). Seterusnya, kajian ini juga mendapati perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan Jawi dengan kelayakan profesional dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Sistem ejaan Jawi yang semakin luas penggunaannya melalui akhbar, majalah, laman web, papan tanda dan sebagainya. Semakin luas lapangan penggunaannya semakin jelaslah sudut-sudut yang bermasalah yang dahulunya tidak terpancang. Ramai guru Pendidikan Islam keliru dengan sistem ejaan Jawi yang sentiasa berubah-ubah. Berdasarkan kajian oleh Ab Halim et al. (2012) keputusan menunjukkan min 2.77 menandakan penguasaan berada pada tahap sederhana sahaja melalui soal selidik kepada guru Pendidikan Islam di sebuah sekolah SRA di Selangor. Kajian lain yang dijalankan oleh Sabariah (2011) mendapati hanya 57.2% daripada 265 orang guru pelatih gagal menguasai kaedah penulisan Jawi mengikut kaedah ortografi yang betul.

Sistem tulisan dan ejaan Jawi yang digunakan di Malaysia sekarang ialah sistem yang terdapat dalam buku Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) terbitan rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1986 (edisi kedua, 1987; edisi ketiga, 1993). PEJYD ini kemudiannya digantikan dengan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) yang disisipkan dalam buku DKBM dan yang terkini ialah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa

Melayu Dewan terbitan 2020. Sistem ini merupakan sistem ejaan Jawi terkini yang disempurnakan daripada kaedah ejaan Jawi yang berasaskan kaedah ejaan Jawi Za'ba. Buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan ini pula merupakan pedoman terkini tentang sistem ejaan Jawi yang disusun berdasarkan dokumen pedoman ejaan Jawi yang telah diterbitkan oleh DBP, dan maklumat pedoman ejaan Jawi yang diselaraskan selepas itu, khususnya daripada terbitan yang berikut:

1. *Daftar Ejaan Rumi-Jawi*, Cetakan Kedua, 1989.
2. *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*, Cetakan Pertama Edisi Ketiga, 1993.
3. *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*, Cetakan Pertama 2001.
4. *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*, Edisi Kedua, Cetakan 2008 dan 2016.

Beberapa penambahbaikan dilakukan dan kaedah ejaan Jawi masih lagi bersandarkan Za'ba dalam buku Daftar Ejaan Melayu (1949). Za'ba berpandangan pembaharuan yang dibuat ini sesuai dan selari dengan kenyataannya bahawa, "Tulisan Jawi itulah yang terlebih berkehendak diaturnya dan disusunkan dia mengikut tertib hurufnya, kerana ejaannya banyak yang masih simpang perenang." (Za'ba, 1949:10).

Terdapat empat huruf vokal ialah alif (ا), ya (ي), ye (ى) dan wau (و). Dua gabungan huruf vokal alif-ya (اي) dan alif-wau (او) yang digunakan bagi melambangkan enam fonem vokal atau bunyi vokal baku, iaitu [a], e pepet (e), e taling (é), [i], [o] dan [u]. Berikut jadual 2 merupakan asas dalam pelajaran Jawi iaitu perlambangan vokal.

Jadual 2: Asas dalam Pelajaran Jawi (Perlambangan Vokal)

Huruf	Sebutan	Contoh Penggunaan		
		Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
ا	(i) [a]	اڤي (api) <input type="checkbox"/>	ڤادي (padi)	لوسا (lusa)
	(ii) e pepet (e)	امق (emak) <input type="checkbox"/>	- <input type="checkbox"/>	- <input type="checkbox"/>
ي	(i) e taling (é)	-	ريلا (rela)	ساتي (sate)
	(ii) [i]	-	كيرا (kira) <input type="checkbox"/>	لاكي (lagi) <input type="checkbox"/>
ى	e pepet (e)	-	مميټابوليټيټيكن (memetabolismekan)	ناسيوناليسي (nasionalisme)
و <input type="checkbox"/>	(i) [o]	-	كوما (koma) <input type="checkbox"/>	ڤيداتو (pidato) <input type="checkbox"/>

	(ii) [u]	-	بومي (bumi)	باتو (batu)
اي	(i) e taling (é)	ايكور (ekor)	-	-
	(ii) [i]	ايكن (ikan)	-	-
او	(i) [o]	اورغ (orang)	-	-
	(ii) [u]	اولر (ular)	-	-

(Sumber: Buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan, 2020)

## BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN MATA PELAJARAN JAWI

Tulisan Jawi merupakan salah satu tulisan warisan Melayu. Tulisan Jawi harus dipelihara dan dipelihara agar tidak pupus akibat kemodenan. Ini kerana Jawi skrip adalah warisan yang harus dipelihara. Menurut Sulaiman (2013) dan Yusoff (2005), salah satu medium penyampaian ilmu dalam kalangan umat Islam di Malaysia adalah tulisan Jawi. Ianya turut digunakan untuk menyelesaikan aktiviti harian dalam undang-undang, perdagangan, politik dan hal ehwal di Malaysia. Pengajaran adalah penting dalam mana-mana bidang pengajian.

Pengajaran yang berkesan akan menyumbang ke arah hasil yang positif dalam kehidupan manusia. Pencapaian setiap pengajaran boleh ditentukan oleh banyak faktor, salah satunya melalui kaedah yang digunakan di dalamnya. Terdapat banyak kaedah untuk memastikan proses pengajaran dapat memaksimumkan pemahaman pelajar. Penggunaan bahan bantu mengajar akan melancarkan dan memperjelaskan pengajaran guru kepada murid-murid.

Contohnya, pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan komputer secara sistematik dan berkesan akan menyelesaikan masalah kekangan dan ketidakjelasan sewaktu di dalam kelas. Menurut Siti Maria dan Zamri (2016), gaya pengajaran pakar Grasha akan memberi kesan positif pada peningkatan pencapaian pelajar. Dalam kalangan guru KAFA Integrasi juga perlu menguasai gaya pengajaran Grasha yang lain agar mampu menarik minat pelajar yang lain. Gaya pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar adalah seiring dan tidak boleh dipisahkan.

Antara bahan rujukan Jawi bagi sistem tulisan ejaan Jawi ialah:

1. Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJBMD) (2020)
2. Kamus Dewan Perdana (2020)
3. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dalam talian <https://prpm.dbp.gov.my/> atau <http://prpmv1.dbp.gov.my/>
4. Nota Klinik Jawi Perpustakaan Negara Malaysia <https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/511>

Masih ada kelemahan dan kesilapan di kebanyakan aplikasi atau perisian mengeja Jawi menggunakan pangkalan data PRPM DBP yang boleh dipercayai. Namun begitu, kemahiran menulis Jawi tetap menjadi keutamaan di samping perisian sebagai alat bantuan.

## **PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU KAFA**

Pendidikan di Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) menerapkan pendidikan pembangunan seseorang insan secara formal. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewajibkan mata pelajaran Pendidikan Islam bagi setiap pelajar muslim baik di peringkat rendah ataupun menengah. Pelaksanaan kurikulum di sekolah kebangsaan sedikit berbeza dibandingkan dengan kelas KAFA. Penyelarasan masih belum berjaya dilakukan kerana terdapat negeri menjalankan pengajaran 3 hari dan juga 5 hari bagi sesetengah negeri seminggu bagi waktu pengajaran. Setiap 1 hari pengajaran berlangsung selama 3 jam (Mohammad & Mohd Aderi, 2019) Kelas KAFA juga dijalankan di pelbagai tempat seperti surau, masjid, sekolah agama, sekolah kebangsaan dan bangunan KAFA sendiri.

Pembelajaran di KAFA sedikit berlainan dari sudut keterbatasan waktu, prasarana dan sebahagian guru-guru daripada lepasan akademik yang sederhana (Farrah Wahida, Zamri & Shamsul Azhar, 2022). Kelas KAFA di setiap negeri juga turut berbeza dari segi hari pengajaran, di Selangor 5 hari seminggu (Bani Hidayat et al. 2020). Sejumlah besar dalam kalangan guru-guru SRA JAIS tidak memiliki ikhtisas dalam bidang perguruan. Disebabkan latar belakang pendidikan yang berbeza-beza, kemahiran guru-guru di Sekolah Rendah Agama JAIS juga berada pada tahap yang pelbagai.

Kebanyakan guru-guru yang berkhidmat di sekolah agama JAIS menyandang jawatan guru kontrak atau sementara kerana tidak memiliki sijil perguruan atau diploma pendidikan. Dalam profesion perguruan adalah menjadi syarat utama untuk memiliki sekurang-kurangnya diploma pendidikan untuk dilantik ke jawatan tetap (Sapie Sabilan et al. 2021). Kajian yang dijalankan oleh Madihah (2007) dan Suryati (2003) mendapati bahawa penguasaan Jawi berada pada aras sederhana dalam kalangan pelajar dan belia masyarakat Melayu. Pandangan umum bahawa individu Melayu masa kini tidak lagi berminat dengan tulisan Jawi terbukti dengan penghasilan akhbar Jawi terbitan Utusan Melayu Mingguan semakin tamat (Ismail, 2012).

Kurang penguasaan ejaan turut melanda guru-guru menggunakan tulisan Jawi. Berdasarkan kajian lepas, didapati tahap penguasaan Jawi dalam kalangan bakal guru (guru pelatih) agak lemah. Ia menunjukkan sehingga 42% atau 23 daripada 50 guru pelatih memperoleh markah di bawah 50% (Asyraf Ridwan, 2011). Justeru, Kajian ini bertujuan untuk berkongsi maklumat dan memurnikan beberapa dapatan kajian tentang masalah yang dihadapi oleh guru j-QAF untuk mengaplikasikan sistem ejaan Jawi PUEJBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

## **KEPERLUAN PENGAJARAN YANG BERKESAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

Dalam menghadapi kepelbagaian pelajar, guru digalakkan menggunakan pelbagai bahan pengajaran untuk mempelbagaikan pengalaman pembelajaran. Abdul Rahman Salih (1982) menegaskan bahawa kandungan mana-mana kurikulum tidak boleh dipelajari dengan cepak melainkan ia disampaikan dengan cara tertentu. Ketidacukupan kaedah boleh menghalang pembelajaran dan menyebabkan pembaziran usaha dan masa yang tidak wajar. Jika kita merujuk kepada sarjana Islam klasik kita, mereka juga menunjukkan keprihatinan yang besar terhadap kaedah pengajaran.

Sebagai contoh, Ibnu Khaldun menegaskan bahawa guru harus terlebih dahulu mengetahui dan memahami sifat murid-muridnya dan harus mengingatkan keupayaan semula jadi mereka. Beliau menasihatkan guru supaya memulakan pendidikan anak daripada perkara yang mudah dan kemudiannya memperkenalkan perkara yang lebih sukar dan kompleks. Ibnu Khaldun dengan berhati-hati mengingatkan guru tentang pengaruh ketara kaedah pengajaran yang betul dalam kata-katanya:

Kami telah memerhatikan bahawa ramai guru tidak mengetahui kaedah pengajaran yang berkesan ini. Mereka memulakan pengajaran mereka dengan menghadapi pelajar dengan masalah saintifik yang tidak jelas dan memerlukan tumpuan perhatian untuk menyelesaikannya.

Pandangan Ibnu Khaldun mengenai peranan guru untuk mengenal pasti sifat pelajar dan kebolehan berbeza mereka untuk menggalakkan pembelajaran pelajar juga telah diketengahkan oleh Borich (2004). Beliau menegaskan bahawa setiap guru perlu menjadi guru yang reflektif. Dalam kes ini, guru cuba mengenal pasti perbezaan individu dan menyesuaikan pelajaran dengan keperluan pelajar mereka, sejarah terdahulu dan pengalaman. Tanpa mengira perbezaan mereka, guru mesti mengajar semua pelajar yang ditugaskan kepada mereka. Untuk meminimumkan perbezaan pelajar, penyelidik pendidikan mencadangkan guru menggunakan pelbagai jenis kaedah pengajaran untuk membantu pembelajaran pelajar. Menurut Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino (2002), perspektif psikologi yang berbeza telah memberi inspirasi kepada pereka bentuk untuk membangunkan rangka kerja yang berkuasa untuk pengajaran. Mereka menyenaraikan amalan pengajaran yang berjaya seperti berikut:

1. Penyertaan aktif: pembelajaran berkesan berlaku apabila pelajar terlibat secara aktif dalam tugas yang bermakna, berinteraksi dengan kandungan.
2. Amalan: pembelajaran baharu memerlukan lebih daripada satu pendedahan untuk berakar umbi; amalan, terutamanya dalam pelbagai konteks, meningkatkan kadar pengekalan dan keupayaan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran atau sikap baharu.
3. Perbezaan individu: Pelajar berbeza dari segi personaliti, kebolehan umum, pengetahuan tentang sesuatu mata pelajaran dan banyak faktor lain; kaedah yang berkesan membolehkan individu maju pada kadar yang berbeza, meliputi bahan yang berbeza dan juga mengambil bahagian dalam aktiviti yang berbeza.



4. Maklum balas: pelajar perlu tahu sama ada pemikiran mereka berada di landasan yang betul; maklum balas boleh diberikan melalui pembetulan kertas kerja guru, mesej elektronik daripada komputer, sistem pemarkahan permainan, atau dengan cara lain.
5. Konteks realistik: berkemungkinan besar untuk mengingati dan menggunakan pengetahuan yang dibentangkan dalam konteks dunia sebenar; pembelajaran hafalan membawa kepada 'ilmu lengai'- kita tahu sesuatu tetapi tidak pernah mengaplikasikannya dalam kehidupan sebenar.
6. Interaksi sosial: sesama manusia yang berkhidmat sebagai tutor atau ahli kumpulan rakan sebaya boleh memberikan beberapa sokongan pedagogi serta sosial.

## KESIMPULAN

Hasil perbincangan yang dirungkaikan dalam kajian ini, tulisan Jawi ini mesti mengikut panduan pengejaan dan pengkaedahan terkini. Semua pihak perlu akur dan menggunakan ejaan Jawi yang telah ditetapkan oleh DBP sekali gus dapat menjadikan DBP sebagai rujukan yang berwibawa dan menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Menurut Naquiah dan Jimaain (2017), kelompok yang berperanan sebagai agen merealisasikan keterampilan pedagogi Jawi ialah guru Pendidikan Islam sama ada guru di sekolah kerajaan, swasta, KAFA dan di pusat tuisyen sekalipun. Semua pihak perlu memainkan peranan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, pengurusan KPM, Guru Besar dan seterusnya guru Pendidikan Islam sendiri. Bukan murid-murid sahaja yang perlu bersungguh-sungguh, bahkan guru-guru juga perlu mempunyai kesanggupan untuk terus menambah pengetahuan dan kemahiran bagi memantapkan pengetahuan kandungan yang diajar. Jika murid-murid hari ini bakal pemimpin di suatu masa akan datang, guru yang mempunyai penguasaan ilmu yang baik merupakan aset bagi negara.

## RUJUKAN

- Alamgir Khan, Salahuddin Khan, Syed Zia Ul Islam, & Manzoor Khan. 2017. Communication Skills of a Teacher and Its Role in the Development of the Students Academic Success. *Journal of Education and Practice*, 8(1), 18–21.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Badruddin Yatiban, Fadzilah Mustapa & Jamilah Mohd Noor. 202. Tahap Profesionalisme Penyelia KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain) JAKIM. *International Conference on Islamic Education*, 335-344.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2020. *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farrah Wahida Che Ros, Zamri Arifin & Shamsul Azhar Yahya. 2022. Tinjauan Semasa Tahap Pemahaman dan Penguasaan Pelajar Sekolah Rendah KAFA: Prospek Pembangunan Bahan Bantuan Mengajar di Era Revolusi Industri 4.0. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(1), 10-22.
- Hazlan Atan. 2019. *Tahap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Mengajar Jawi Sekolah Rendah Daerah Klang*. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Abu Bakar & Mohd Aderi Che Noh. 2019. Trait Personaliti Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Dalam Pembentukan Akhlak Murid. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 22-31.

- Muhammad Azri Hamsa & Isa Hamzah. 2017. Membantu Meningkatkan Kemahiran Membaca Jawi dalam Kalangan Murid Tahun 6 di daerah Kota Marudu. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains dan Teknologi dalam pendidikan 2017*. Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021 Mac 2017. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 278-289.
- Muhammad Arif Hakimi, Nurul Ameera, Nurin Syuhaidah, NurAdibah Afifah, & Zainuddin. 2020. *MC Jawi Deluxe*. 358-360
- Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli. 2022. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) Bidang Jawi Dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research In Islamic Studies And Education (ARISE)*, 2(1), 56-72.
- Muhammad Haiy Rosman & Mohd Isa Hamzah. 2021. Hubungan penguasaan Jawi dengan proses pengajaran guru di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(10): 81-90.
- Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian & Nor Hasnida Che Md. Ghazali. 2023. Tinjauan Persepsi Guru Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Jawi: Satu Penilaian Konteks. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 21(1), 52-73.
- Naquiah Nahar & Jimaain Safar. 2017. Penguasaan Pengetahuan Kandungan (Content Knowledge): Pemangkin Keterampilan Pedagogi Jawi Berkesan Abad ke-21. *Technical & Social Science Journal*, 8(1), 45-59.
- Rasyidah Ibrahim, Rahimah Embong, Firdaus Khairi & Huda Afiqah. 2019. Pemeraksanaan Tulisan Jawi Dahulu dan Kini. *International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 2(1), 29-37.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Shazarina Zdainal Abidin & Haslina Hamzah. 2021. Keberkesanan Program Latihan Guru Terhadap Prestasi Kerja Melalui Tingkahlaku Pengajaran Berasaskan IHES. *International Seminar of Tarbiyah*, 119-130.
- Siti Nurbaizura Che Azizan, Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2020. Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature 11(edisi khas): 46-57*.